



## SIARAN MEDIA

### KEMBARA KASIH KPWK 2025: MENYANTUNI MASYARAKAT, MENGUKUHKAN KEPRIHATINAN

**TUARAN, 16 MEI** – Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah telah menyempurnakan perasmian Kembara Kasih KPWK 2025 anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) di Astaka Padang Tuaran hari ini.

Kembara KASIH KPWK 2025 yang diketuai oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bakal menjelajah enam daerah di Negeri Sabah bermula dengan Tuaran, Papar dan Penampang bagi Zon 1 diikuti Lahad Datu, Kunak dan Tawau bagi Zon 2. Kembara ini bertujuan untuk mendekati masyarakat diperingkat akar umbi dengan membawa pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan/Agensi; menyebar luas dan mempromosikan dasar dan inisiatif KPWK; meningkatkan kesedaran umum mengenai peranan KPWK; dan seterusnya mengukuh keprihatinan masyarakat sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam membentuk negara yang sejahtera dan mapan.

YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Bin Haji Noor turut merasmikan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Bergerak dalam majlis ini. PSSS merupakan inisiatif Yayasan Kebajikan Negara (YKN) yang menyediakan sokongan psikososial secara holistik kepada masyarakat, termasuk mereka yang terpinggir daripada arus pembangunan sosial. Sejak dilancarkan pada Oktober 2021 sehingga 30 April 2025, seramai 89,896 orang klien telah menerima manfaat daripada perkhidmatan ini yang dikendalikan oleh kaunselor-kaunselor bertauliah dan berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia.

Dalam majlis yang sama, YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Bin Haji Noor turut menyampaikan sumbangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada 10 penerima tertinggi Bantuan Kewangan Kerajaan kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM5,824,026.60 dan tiga penerima Bantuan Kewangan kepada Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1,350,000.00.

Kembara Kasih KPWK 2025 membawa 34 program yang dilaksanakan di sepanjang Kembara. Antara program-program tersebut ialah Karnival Kasih MADANI yang berlangsung dua hari bermula hari ini dan esok di Tuaran dan sehari di Tawau pada 24 Mei 2025. Program ini turut mendapat kerjasama daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerusi Jualan Rahmah dan Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP) menerusi Program Jualan Usahawan Wanita.

Selain itu, program-program lain yang turut dilaksanakan ialah 14 program Ziarah Kasih kepada klien-klien KPWK dengan penyerahan bantuan tunai dan barang keperluan bagi meringankan beban mereka, Program Kasih Remaja @ Kafeteen oleh LPPKN, Program Citra Minda Intergenerasi dan Perasmian Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Toleransi Sifat Keganasan oleh Jabatan Pembangunan Wanita dan Program Advokasi Perlindungan Kanak-kanak oleh Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak.

KPWKM berharap pelaksanaan kembara ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat seterusnya mengurangkan isu-isu sosial seperti keganasan rumah tangga, penderaan dan pengabaian kanak-kanak, warga emas, OKU, gangguan seksual dan sebagainya.

Turut hadir ialah YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, YB Datuk Jahid Jahim, Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah, YB Datuk Flovia Ng, Pembantu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat, YB Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong, Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, YBrs. Encik Herman Tunggiging, Pegawai Daerah Tuaran, YBrs. Puan Farah Adura Binti Hamidi, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Ketua-Ketua Pengarah Jabatan/agensi di bawah KPWK dan pegawai-pegawai kanan Kementerian dan kerajaan negeri.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PEMBANGUNAN WANITA  
16 MEI 2025**